



---

**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR  
PEPERIKSAAN AKHIR**

---

<b>KURSUS</b>	<b>:</b>	<b>TEORI SENI BINA 1</b>
<b>KOD KURSUS</b>	<b>:</b>	<b>DSB 1052</b>
<b>PEPERIKSAAN</b>	<b>:</b>	<b>OKTOBER 2015</b>
<b>MASA</b>	<b>:</b>	<b>2 JAM</b>

**ARAHAN KEPADA CALON**

1. Kertas soalan ini mengandungi **TIGA (3)** bahagian:  
BAHAGIAN A (10 Markah)  
BAHAGIAN B (10 Markah)  
BAHAGIAN C (80 Markah)
2. Jawab **SEMUA** soalan dari **BAHAGIAN A** dan **BAHAGIAN B** dan **EMPAT (4)** soalan dari **BAHAGIAN C**. Anda dikehendaki mula menjawab setiap jawapan di mukasurat baru. Lakarkan gambarajah jika perlu bagi membantu kesemua jawapan anda.
3. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
4. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperolehi untuk sesi peperiksaan ini:
  - i. Kertas Soalan
  - ii. Buku Jawapan

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**  
*KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 6 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN*

---




**BAHAGIAN A (10 MARKAH)**

Bahagian ini mengandungi SEPULUH (10) soalan. Jawab semua soalan di dalam Buku Jawapan.

1. Salah satu ciri utama Seni Bina Romanesque adalah \_\_\_\_\_
  - A. Vault barrel
  - B. Gerbang tajam
  - C. Bumbung rata
  - D. Nave yang sempit
  
2. Di bawah ini adalah fungsi menara yang dibina pada zaman Seni Bina Romanesque KECUALI \_\_\_\_\_
  - A. tempat tinggal
  - B. kandang kuda
  - C. kubu pertahanan
  - D. tempat pertunjukan
  
3. Kelebihan penggunaan vault bersilang pada zaman Seni Bina Romanesque adalah untuk \_\_\_\_\_
  - A. menonjolkan kuasa gereja
  - B. menonjolkan perhiasan pada siling
  - C. mengelakkan bangunan daripada runtuh
  - D. membenarkan lebih banyak cahaya semulajadi ke dalam bangunan
  
4. Salah satu ciri menara pada zaman Seni Bina Romanesque adalah \_\_\_\_\_
  - A. berbentuk geometri
  - B. tinggi meruncing
  - C. terletak di belakang bangunan utama
  - D. mempunyai gerbang tajam
  
5. Fungsi cloister dalam gereja Romanesque adalah \_\_\_\_\_
  - A. sebagai ruang pengampunan
  - B. Ruang rehat dan bertafakkur
  - C. Melaksanakan kerja-kerja kerahiban
  - D. Melaksanakan kerja-kerja seni

6. Gereja Gothic digelar \_\_\_\_\_
- A. Metope
  - B. Katedral
  - C. Basilika
  - D. Lunette
7. Seni Bina Gothic terkenal dengan gaya \_\_\_\_\_
- A. Hiasan
  - B. Barbaric
  - C. Sederhana
  - D. Berwarna-warni

8. Apakah kelemahan struktur dalam Rajah 1 dalam Senibina Romanesque?



Rajah 1

- A. Ianya sempit dan terhad untuk laluan
  - B. Ia mempunyai tiang yang berat
  - C. Ia mempunyai kurang perhiasan
  - D. Ia adalah padat dan memberi tekanan pada *ruang kosong*
9. Pilih kenyataan yang BETUL tentang Seni Bina Gothic
- A. Paderi tidak memainkan peranan penting dalam reka bentuk bangunan
  - B. Penerusan penggunaan gerbang bulat Romanesque
  - C. Seni Binanya bermula dengan pembinaan struktur-struktur kecil
  - D. Perkembangan ekonomi dan pendidikan yang pesat mempengaruhi inovasi struktur

*Seni Binanya mementingkan aspek perkadaran manusia  
Zamannya juga disebut kelahiran semula*

10. Kenyataan di atas merujuk kepada.....
- A. Seni Bina Islam
  - B. Seni Bina Rococo
  - C. Seni Bina Renaissance
  - D. Seni Bina Romanesque

**BAHAGIAN B (10 MARKAH)**

Jawab SEMUA soalan di dalam buku jawapan.

**SOALAN 1**

Lakarkan binaan/elemen yang disenaraikan di bawah:

- i. Stupa
- ii. Stambha
- iii. Tingkap Ros
- iv. Tikar Tatami
- v. Vault bersilang

(10 markah)

---

**BAHAGIAN C (80 MARKAH)**

Bahagian ini mengandungi LIMA (5) SOALAN. Jawab EMPAT (4) soalan sahaja.

**SOALAN 1**

- a) Terangkan dengan ringkas dua (2) falsafah Senibina Renaissance.  
(8 Markah)
- b) Senaraikan EMPAT (4) perbezaan antara Seni Bina Renaissance dan Baroque dalam bentuk jadual seperti di bawah

RENAISSANCE	BAROQUE

(8 Markah)

- c) Terangkan dengan ringkas sumbangan Michaelangelo dalam reka bentuk Gereja St Peter.

(4 Markah)



**SOALAN 2**

- a) Berikan TIGA (3) ciri Seni Bina Rococo (6 markah)
- b) Berikan EMPAT (4) ciri Seni Bina Baroque (8 Markah)
- c) Terangkan dengan ringkas bagaimana agama memberikan pengaruh yang kuat terhadap aspek kesenian dan seni bina dalam Seni Bina Baroque. (6 markah)

**SOALAN 3**

- a) Berikan DUA (2) perbezaan antara bangunan Pagoda di Jepun dan di China dalam bentuk jadual seperti di bawah

JEPUN	CHINA

(4 markah)

- b) Terangkan dengan ringkas DUA (2) ciri tiang dalam Seni Bina Jepun (4 markah)
- c) Terangkan dengan ringkas EMPAT (4) ciri kediaman dalam Senibina Jepun (12 markah)

**SOALAN 4**

- a) Berikan DUA (2) ciri Tembok Besar Negeri China dalam Seni Bina China (4 markah)
- b) Terangkan dengan ringkas EMPAT (4) ciri bumbung dalam seni bina China. (8 markah)
- c) Lakarkan EMPAT (4) jenis bumbung yang wujud dalam Seni Bina China (8 markah)

**SOALAN 5**

- a) Senaraikan EMPAT (4) ruang yang terdapat dalam sebuah masjid  
(4 markah)
- b) Terangkan dengan ringkas empat (4) jenis hiasan dalam Senibina Islam.  
(8 markah)
- c) Bincangkan EMPAT (4) kepentingan masjid dalam komuniti Muslim.  
(8 Markah)

**KERTAS SOALAN TAMAT**

